

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR  
[LEMBAH PANTAI]**

**TARIKH : 8 APRIL 2014**

**SOALAN :**

**YB Puan Nurul Izzah Binti Anwar** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:

- (a) apakah langkah susulan kerajaan bagi memastikan kesemua pesakit dapat menikmati perkhidmatan perubatan yang berterusan susulan penggantungan Oratis Services Sdn. Bhd akibat bebanan hutang ke atas Pusat Perubatan Universiti Malaya; dan
- (b) nyatakan juga sekiranya terdapat tunggakan hutang kepada syarikat tersebut.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah melantik Syarikat Oratis Services Sdn Bhd bagi menjadi perantara kepada Kerajaan untuk Pesara Awam Persekutuan mendapatkan bekalan ubat serta peralatan perubatan yang tidak dapat dibekalkan atau disediakan oleh hospital atau klinik Kerajaan. Syarikat ini membiayai ubat dan peralatan perubatan yang dibekalkan kepada Pesara Awam Persekutuan melalui penyampaian sistem *Electronic Medical Automation Supply System* (eMASS) mulai 15 Februari 2012 dan syarikat kemudiannya membuat tuntutan bayaran balik kos yang dibiayai syarikat kepada Kerajaan mengikut terma yang telah dipersetujui.

Walaupun perkhidmatan bekalan ubat dan peralatan dari farmasi Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) dihentikan, Pesara Awam Persekutuan masih lagi menerima pembiayaan ubat dan peralatan perubatan yang dibekalkan melalui Agensi Pembekal lain iaitu farmasi atau agensi pembekalan perubatan di Malaysia yang berdaftar dengan Syarikat Oratis Services Sdn. Bhd., ataupun yang dibekalkan secara terus oleh pihak syarikat.

Buat masa ini, tiada tunggakan hutang antara JPA dengan pihak syarikat atau pihak syarikat dengan PPUM.

Sekian. Terima kasih.